



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1981

DR.17/1981

D. R. No.

Naskhah sahili—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja 1951.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Seksyen 2 Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, yang disebut "Ordinan ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 2.
21/51.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "member of the Fund" takrif baru yang berikut:

" "new house" means any dwelling house built or being built in a housing project of any statutory authority established under any Federal or State law or in a housing project approved by the Board;";

(b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "normal period of work" takrif baru yang berikut:

" "prescribed amount" means the sum which has been notified in the *Gazette* by the Minister of Finance as a prescribed amount;"; dan

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "an employee in" yang terdapat dalam proviso kepada takrif "wages" perkataan-perkataan "the service of the Government of the Federation or of a State or of".

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

Pindaan
bagi
seksyen 13.

3. (1) Seksyen kecil (1A) seksyen 13 Ordinan itu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "both of the two" dengan perkataan-perkataan "all of the";

- (b) dengan menggantikan perkataan " , or " di hujung perenggan (a) dengan koma bertitik; dan

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b), perenggan baru (c) yang berikut:

"(c) who has been allotted a new house, authorise not more than one payment of a sum not exceeding ten per centum of the purchase price of such new house or not more than forty-five per centum of the amount standing to the credit of such member of the Fund, whichever is the less, to the vendor or chargee of such new house or such other person as the Board may approve, provided that the ten per centum of the purchase price of such new house shall not exceed the prescribed amount."

(2) Seksyen ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1982.

Pindaan
bagi
seksyen 13A.

4. (1) Seksyen 13A Ordinan itu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan seksyen kecil (1) dengan yang berikut:

"(1) Notwithstanding sections 13 and 14 of this Ordinance, any member of the Fund may—

- (a) upon 3 months' notice before attaining the age of 50, opt to receive upon his

attaining the age of 55, periodical payments in lieu of the lump sum payment payable to him under the provisions of paragraph (b) of sub-section (1) of section 13 and of section 14. The form of the notice may be as prescribed by the Minister of Finance; or

- (b) apply upon attaining the age of 55 to withdraw annually, interest only on the amount standing to his credit at the commencement of the year in which the withdrawal application is authorised and thereafter on the amount standing to his credit at the commencement of each following year in lieu of the lump sum payment payable to him under the provisions of paragraph (b) of sub-section (1) of section 13 and of section 14:

Provided that a member who opts under paragraph (a) of this sub-section shall, so long as his election to take periodical payments subsists and has not been withdrawn under sub-section (2), not be eligible to withdraw any sum of money under paragraph (a) of sub-section (1A) of section 13.”;

- (b) dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan-perkataan “sub-section (1)” yang terdapat dalam seksyen kecil (2) perkataan-perkataan “paragraph (a) of”;
- (c) dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan-perkataan “sub-section (1)” yang terdapat dalam seksyen kecil (3) perkataan-perkataan “paragraph (a) of”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen kecil (3), seksyen kecil baru (4) yang berikut;

“(4) The approval of the application made under paragraph (b) of sub-section (1) by a member of the Fund shall be revoked upon his withdrawing of the amount standing to his credit under sub-section (1) of section 13.”.

(2) Kecuali bagi perenggan baru (b) seksyen kecil (1) seksyen 13A dan seksyen kecil baru (4) seksyen 13A yang mana hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981, seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 27hb Mei 1977.

Pindaan
bagi
seksyen 13B.

5. (1) Seksyen 13B Ordinan ibu adalah dipinda—

(a) dalam seksyen kecil (1), dengan menggantikan perkataan-perkataan “in the case of an employee of the Government of the Federation or of a State to the Federal Consolidated Fund, or in the case of an employee of a statutory or local authority to the Statutory and Local Authority Superannuation Fund established under section 6 of the Statutory and Local Authorities Superannuation Fund Act 1977,” dengan perkataan-perkataan “to the Federal Consolidated Fund”; dan

(b) dalam seksyen kecil (2), dengan memotong perkataan-perkataan “the Pensions Ordinance 1951, the Pensions Ordinance of Sabah 1963, the Pensions Ordinance of Sarawak, the Statutory and Local Authorities Superannuation Fund Act 1977 or under” dan perkataan “other” sebelum perkataan-perkataan “written law”.

(2) Perenggan (a) seksyen kecil (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981 dan perenggan (b) seksyen kecil (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976.

Pindaan
bagi
seksyen 15.

6. (1) Seksyen 15 Ordinan ibu adalah dipinda dengan memotong proviso kedua kepada seksyen itu.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 30hb Mei 1980.

Pindaan
bagi
seksyen 20.

7. (1) Perenggan (d) seksyen 20 Ordinan ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “five” dengan perkataan “twenty”.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.

2. *Fasal 2* bertujuan mengadakan peruntukan bagi takrif "new house" dan "prescribed amount". Ini adalah berbangkit dari pelaksanaan suatu skim dalam mana ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh mengeluarkan sebahagian yang tertentu daripada carum mereka dalam Kumpulan Wang itu untuk membeli sebuah rumah dalam sesuatu projek perumahan mana-mana pihak berkuasa berkanun atau projek perumahan yang diluluskan oleh Lembaga. Fasal ini juga bertujuan meminda takrif "wages" untuk meletakkan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atas taraf yang sama dengan pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan.

3. Pindaan dalam *Fasal 3* bertujuan membolehkan seseorang ahli Kumpulan Wang menggunakan sebahagian yang tertentu daripada carumnya dalam Kumpulan Wang untuk membeli sebuah rumah baru dalam projek perumahan sesuatu pihak berkuasa berkanun atau mana-mana projek perumahan yang diluluskan oleh Lembaga.

4. *Fasal 4* adalah untuk membolehkan seseorang ahli Kumpulan Wang yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun mengeluarkan faedah tahunan di atas amaun yang ada dalam kreditnya dalam Kumpulan Wang untuk menggantikan wang pukal yang kena dibayar kepadanya apabila mencapai umur itu. Fasal ini juga bertujuan menarik balik kelulusan untuk mengeluarkan faedah tahunan apabila seseorang ahli Kumpulan Wang mengeluarkan amaun yang ada dalam kreditnya menurut seksyen kecil (1) seksyen 13 Ordinan. Pindaan-pindaan lain dalam Fasal ini adalah pindaan berbangkit.

5. Pindaan-pindaan dalam *Fasal 5* adalah berbangkit dari pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji, had dan syarat perkhidmatan. Semua remitan wang apabila bersara sekarang ini disalurkan hanya ke Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan dan memandangkan kepada berbagai undang-undang yang sedia ada sekarang ini mengenai pencen maka tidaklah perlu lagi menyebutkan undang-undang yang relevan itu.

6. *Fasal 6* memotong proviso kedua kepada seksyen 15 yang berupa anomali dan *fasal 7* menambah amaun maksimum yang boleh dibayar oleh Lembaga dari amaun yang ada dalam kredit seseorang ahli Kumpulan Wang yang telah mati untuk menyelaraskan angka itu dengan pengecualian duti harta pesaka yang baru.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (Terj.) 148.]